

AGENDA 4

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN
PENYATA KEWANGAN TERAUDIT BAGI
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31
DISEMBER 2025**

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 4

MENIMBANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

TUJUAN

Agenda ini adalah untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

LATAR BELAKANG

2. Rumusan penyata untung rugi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Perkara	2025 RM'000	2024 RM'000	Beza %
Pendapatan	447,283	432,608	3.39
Kos Jualan	(159,147)	(173,074)	(8.05)
Untung Kasar	288,136	259,534	11.02
Pendapatan Lain	44,451	3,342	1,230.07
Belanja Pentadbiran	(29,498)	(23,952)	23.16
Belanja Operasi	(98,743)	(55,491)	77.94
Kos Kewangan	(26,783)	(26,524)	0.98
Untung Sebelum Pelarasan Operasi	177,563	156,909	13.16
Pelarasan Operasi	(29,473)	229	12,970.31
Untung Sebelum Pembahagian Berkanun, Cukai dan Zakat	148,090	157,138	(5.76)
Pembahagian Berkanun	(22,214)	(20,427)	8.75
Peruntukan Cukai	-	-	-
Peruntukan Zakat	(1,000)	(200)	400.00
Pindahan ke Kumpulan Wang Penebusan Syer	(6,294)	(6,836)	(7.93)
Peruntukan Honorarium	(150)	-	100
Untung Sebelum Pelarasan Bukan Operasi	118,432	129,675	(8.67)

(a) Pendapatan

Pendapatan aktiviti pelaburan dan perniagaan tahun 2025 meningkat sebanyak RM14.68 juta atau 3.39% berbanding tahun 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh:

- (i) aktiviti perladangan sebanyak RM27.29 juta (2025: RM264.15 juta; 2024: RM236.86 juta); dan
- (ii) aktiviti ar rahnun sebanyak RM3.60 juta (2025: RM28.04 juta; 2024: RM24.44 juta).

(b) Kos Jualan

Perbelanjaan kos jualan mencatatkan pengurangan sebanyak RM13.92 juta atau 8.05%, di mana sebahagian besar pengurangan ini disumbangkan oleh aktiviti perladangan.

(c) Pendapatan Lain

Pendapatan lain meningkat sebanyak RM41.11 juta atau 1,230.07% disumbangkan oleh keuntungan daripada ekseseis pelupusan ekuiti dalam Syarikat Kumpulan FGV berjumlah RM42.36 juta.

(d) Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan adalah RM155.02 juta, merekod peningkatan sebanyak RM49.05 juta atau 46.29% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM105.97 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh perbelanjaan operasi seperti berikut:

- (i) pelunasan pajakan tertanggung sebanyak RM14.11 juta (2025: RM15.64 juta; 2024: RM1.53 juta);
- (ii) pelunasan tumbuhan penghasil sebanyak RM8.76 juta (2025: RM10.99 juta; 2024: RM2.23 juta);
- (iii) tuntutan litigasi sebanyak RM9.64 juta (2025: RM9.64 juta; 2024: RM Nil);
- (iv) susut nilai hak penggunaan aset sebanyak RM2.25 juta (2025: RM5.66 juta; 2024: RM3.41 juta); dan
- (v) yuran ejen belian BTS sebanyak RM1.52 juta (2025: RM5.60 juta; 2024: RM4.08 juta).

KUNCI KIRA-KIRA

3. Rumusan kunci kira-kira pada 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Perkara	2025 RM'000	2024 RM'000	Beza %
Aset Bukan Semasa	3,242,306	2,609,188	24.26
Aset Semasa	486,101	1,621,117	(70.01)
Jumlah Aset	3,728,407	4,230,305	(11.86)
Ekuiti	2,770,585	3,300,908	(16.07)
Liabiliti Bukan Semasa	485,800	497,444	(2.34)
Liabiliti Semasa	472,022	431,953	9.30
Jumlah Liabiliti	957,822	929,397	3.06
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti	3,728,407	4,230,305	(11.86)

(a) Jumlah Aset

Jumlah aset adalah RM3,728.41 juta, menurun sebanyak RM501.90 juta atau 11.86% berbanding tahun 2024 berjumlah RM4,230.31 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh:

- (i) penurunan nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu, MSM Malaysia Holdings Berhad berjumlah RM383.39 juta. Jumlah tersebut direkodkan juga dalam Rizab Nilai Saksama Pelaburan Syer; dan
- (ii) penjualan ekuiti pelaburan dalam lapan (8) Syarikat Kumpulan FGV dengan pelupusan kos pelaburan berjumlah RM126.51 juta.

(b) Jumlah Liabiliti

Jumlah liabiliti adalah RM957.82 juta, meningkat sebanyak RM28.42 juta atau 3.06% berbanding tahun 2024 berjumlah RM929.40 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh:

- (i) pertambahan liabiliti pajakan 43 jentera perladangan berjumlah RM8.78 juta;
- (ii) peningkatan hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari dan FELDA sebanyak RM32.22 juta (2025: RM65.59 juta; 2024: RM33.37 juta) melibatkan hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari berjumlah RM1.15 juta dan hutang kepada FELDA berjumlah RM31.07 juta; dan
- (iii) peningkatan Akaun Deposit Koperasi belum bayar sebanyak RM2.06 juta (2025: RM72.46 juta; 2024: RM70.40 juta).

(c) Jumlah Ekuiti

Jumlah ekuiti adalah RM2,770.59 juta, menurun sebanyak RM530.32 juta atau 16.07% berbanding tahun 2024 berjumlah RM3,300.91 juta disebabkan pengurangan rizab pelaburan sebanyak RM317.62 juta, keuntungan terkumpul sebanyak RM172.09 juta dan modal syer sebanyak RM55.43 juta.

4. Buku penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti yang disertakan berasingan.

SYOR

5. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**